

UMS terima hampir RM2.2 juta daripada UMS Link Holdings

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
aileenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: UMS Link Holdings Sdn Bhd (ULink) kelmarin menyerahkan sumbangan hasil pendapatan syarikat itu buat kali kedua kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjumlah RM 2,150,606.

Pengarah Urusan Kumpulan ULink, Prof Dr. Roselina Ahmad Saufi, berkata pendapatan ini menunjukkan peningkatan 162 peratus berbanding sumbangan pertama pada 2008 iaitu RM 821,333.

Katanya, sesuai dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan dasar kerajaan, UMS terus bertekad mempertingkatkan jumlah sumbangan kepada universiti itu.

"Kami akan meneroka sektor industri lain seperti pertanian dan hartanah selain terus memperkasa bidang sedia ada iaitu pendidikan, latihan dan rundingan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis penyampaian replika cek kepada Naib Canselor UMS Jen. Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon di bangunan Canselori, kelmarin.

Selain itu, UMS turut menerima sumbangan RM40,000 daripada Akademi Gas & Minyak Tun Ahmad Shah Abdullah, institusi milik UMS Link-Silverkris Sdn

"Sesuai dengan dasar Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan dasar kerajaan, UMS terus bertekad mempertingkatkan jumlah sumbangan kepada universiti itu. Kami akan meneroka sektor industri lain seperti pertanian dan hartanah selain terus memperkasa bidang sedia ada iaitu pendidikan, latihan dan rundingan."

PROF DR. ROSELINA AHMAD SAUFI
Pengarah Urusan Kumpulan ULink



SERAH ... Roselina (dua kiri) menyampaikan replika cek kepada Amran (kanan).

Bhd yang disampaikan oleh Pengarahnya, Datuk Iskandar Datuk Malik.

Cek berkenaan diterima oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) Prof Dr Amran Ahmed.

Sementara itu, Amran berkata sumbangan berkenaan amat bermakna untuk UMS dan berharap syarikat berkenaan

akan lebih giat dalam bidang lain di masa akan datang.

Katanya, UMS juga akan memberikan kerjasama penuh kepada ULink dan anak syarikatnya bagi membolehkan mereka mengembangkan perniagaan mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Selain itu, kerajaan menerusi KPT meminta universiti dan institusi pengajian tinggi yang

lain mencari dana mereka sendiri," katanya.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Henry Chin; Pengerusi kumpulan ULink Datuk K Y Mustafa; Ketua Pegawai Eksekutif UMS Link-Silverkris Sdn Bhd Datuk lau Yick Ching dan Pengerusi UMS Link-Silverkris Sdn Bhd, Haji Rizal Othman.